

Sedia hadapi serangan kedua H1N1

Negara Asean, China, Jepun dan Korea sepakat hadapi Influenza A

Oleh Bennie Zie Fauzi
bennie@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata Malaysia dan negara lain anggota Asean serta China, Jepun dan Korea yang berunding di Bangkok kelmarin, sedia bekerjasama bagi berdepan kemungkinan berlakunya ge-

lombang kedua wabak Influenza A (H1N1), pada masa depan.

“Jenis virus H1N1 ini sama dengan wabak influenza pada 1918. Berikutan itu, dalam rundingan di Bangkok itu negara Asean bersama China, Jepun dan Korea memberi komitmen untuk bekerjasama membendung penularan wabak H1N1 ini dengan le-

bih giat lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian Pameran Buku Kaligrafi Hasil Kelas Kaligrafi Pembelajaran Sepanjang Hayat di Ibu Pejabat MCA, di sini, semalam.

Liow yang mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat di Bangkok, berkata antara langkah dipersetujui termasuk melaksanakan usaha membendung penula-

ran H1N1 seawal mungkin.

“Ini termasuk meningkatkan saringan dengan menempatkan mesin pengimbas haba di pintu masuk negara. Selain itu, semua negara terbabit juga akan berusaha mengenal pasti lokasi wabak H1N1 bagi mengekang penularan itu seberapa segera.”

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr

Mohd Ismail Merican dalam satu kenyataan semalam berkata, kementerian itu menambah dua lagi pengimbas haba iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan di Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah (LCCT), bagi meningkatkan pemantauan terhadap wabak influenza A (H1N1) di pintu masuk negara.



“Negara Asean bersama China, Jepun dan Korea memberi komitmen untuk bekerjasama membendung penularan wabak H1N1 ini dengan lebih giat lagi”

Liow Tiong Lai

FAKTA NOMBOR

2,500
kes

Wabak Influenza A di seluruh dunia kini